



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

TREASURE HUNT WILAYAH PERSEKUTUAN MERIAHKAN SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2016

KUALA LUMPUR, 13 Februari 2016 – Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan menyempurnakan sesi pelepasan peserta *Treasure Hunt* Wilayah Persekutuan di Dataran Merdeka pagi ini. Program ini dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016.

2. Program *Treasure Hunt* Wilayah Persekutuan 2016 ini merupakan program baru dalam kalender sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini yang bertujuan untuk mempromosi bendera Wilayah Persekutuan dan sebagai satu medium hebahan mengenai program-program sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016. Program ini melibatkan kolaborasi dan kerjasama di antara KWP, DBKL dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Di samping itu juga melalui program ini dapat menyokong mempromosikan pelaksanaan Program Tahun Melawat Terengganu 2016.

3. Penganjuran *Treasure Hunt* Wilayah Persekutuan 2016 merupakan penganjuran buat julung kali diadakan merentasi sempadan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Melalui program seperti ini dapat menunjukkan semangat perpaduan dan kesatuan di kalangan peserta khususnya dan rakyat Malaysia amnya. Selain itu juga, dengan jalinan kerjasama bersama Kerajaan Negeri Terengganu, KWP dapat melihat aspek lain seperti Kaedah

Pengurusan Banjir dan Pelancongan yang boleh diaplikasikan dengan sistematik dan teratur di Wilayah Persekutuan.

4. Sebanyak 110 pasukan menyertai Treasure Hunt Wilayah Persekutuan ini dan sambutan yang diterima bagi program ini amat menggalakkan iaitu dengan penglibatan daripada pelbagai peringkat lapisan masyarakat di Wilayah Persekutuan termasuk penyertaan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), UNIRAZAK, Persatuan Alumni Fakulti Sukan Dan Rekreasi UiTM, EPANCO dan Majlis Belia Wilayah Persekutuan. Penyertaan ini merupakan tanda sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi pelbagai pihak kepada program-program yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan khususnya KWP.

5. Diharapkan agar kerjasama dalam penganjuran program-program sebegini dapat diteruskan pada tahun-tahun mendatang dalam usaha memastikan keharmonian serta perpaduan dapat dikekalkan bagi menjamin kebaikan dan kesejahteraan bersama bukan sahaja di Wilayah Persekutuan malah juga di Negeri Terengganu. Program sukan *Treasure Hunt* ini juga boleh menjadi *signature sport* kepada golongan muda yang memberikan banyak faedah dari segi *knowledge*. Semoga usaha gigih dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh semua pihak dapat ditingkatkan untuk memastikan warga Wilayah Persekutuan hidup dalam keadaan ceria dan harmoni.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur

13 Februari 2016